

TALKING POINT UCAPAN MAJLIS PERASMIAN

**YB. DATUK SERI AHMAD BIN HAMZAH
TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
MAKANAN I**

**MAJLIS PERASMIAN EXPO MALAYSIA FEST 2022
26 OGOS 2022 (JUMAAT), 3.30 PETANG
CHANGI EXPO HALL, SINGAPURA**

- Menzahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan penganjuran Ekspo Malaysia Fest 2022 di Singapura ini. Kepada pihak MegaXpress Int. Pte. Ltd dan FAMA yang mengelolakan produk-produk keluaran usahawan Malaysia ke program antarabangsa pada tahun ini.
- Menerusi Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0), Kerajaan Malaysia sentiasa mengambil berat akan kemaslahatan para petani dan usahawan. Tujuan utama adalah bagi meningkatkan pendapatan para petani dan usahawan agromakanan negara.
- Kerajaan Malaysia juga sentiasa memfokuskan kepada usaha bagi mengembangkan pasaran produk usahawan

tempatan terutamanya bagi usahawan PKS ke pasaran global.

- Perubahan kepada landskap agromakanan negara kita perlu seiring dengan kehendak pasaran global. Kita perlu perkukuhkan industry pertanian negara secara komersial bagi usaha memenuhi kehendak eksport global.
- Kita juga perlu menarik golongan muda ke dalam industri ini yang semestinya jika ada usaha dan mendapatkan khidmat nasihat dan pemasaran daripada agensi dibawah MAFI pastinya akan beroleh kejayaan.
- MAFI sentiasa menggalakkan usahawan tempatan untuk meneroka pasaran global kerana disitu terdapat ruang dan peluang bagi mereka memasarkan produk mereka. Walaupun terdapat sedikit cabaran, seperti perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa makanan negara berkenaan namun sekiranya usahawan boleh mengatasinya maka saya percaya mereka akan menjadi usahawan berjaya.
- Saya menyokong penuh usaha yang seumpama ini, ini menunjukkan kejituan dan kerjasama erat antara semua pihak terutama usahawan Malaysia.

- Seramai 220 orang usahawan yang mendapat manfaat dalam penganjuran program ini.
- Jenis-jenis produk yang dikenalkan pada tahun ini lebih kepada produk yang melambangkan negeri-negeri di Malaysia yang akan membantu dalam melonjakkan jualan,
- Penganjuran program ini merupakan kali ke lima dan sememangnya amat dinantikan bagi warga Singapura yang menggemari produk keluaran negara Malaysia dan secara tidak langsung dapat memperkenalkan pelbagai jenis citarasa makanan, produk popular dan budaya yang terdapat di seluruh negeri Malaysia.
- MAFI melalui FAMA sentiasa membantu para usahawan dalam menerokai ruang eksport yang tersedia bagi menggalakkan usahawan PKS Malaysia untuk menceburi bidang pengeksportan yang memiliki potensi pasaran yang lebih luas.
- Selain itu, ini juga sebagai satu medan atau platform bagi usahawan-usahawan tempatan dalam memulihkan kembali ekonomi perniagaan mereka setelah menempuhi tempoh pandemik bagi memastikan produk agromakanan keluaran negara kekal mendapat sambutan di pasaran global dan sekaligus dapat mempromosikan lokaliti negeri dalam sektor agropelancongan.

- Ekspo Malaysia Fest ini juga diharap dapat mendapat kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri dalam usaha mempromosikan hasil pertanian, keluaran produk usahawan dan budaya negeri masing-masing kepada rakyat Singapura khususnya.
- Berdasarkan statistik dagangan antarabangsa ke Singapura oleh MAFI, nilai eksport bahan makanan Malaysia ke republik tersebut pada tahun 2021 meningkat sebanyak 11.6% kepada RM7.7 bilion berbanding RM6.8 billion pada tahun sebelumnya. Dalam pada itu, nilai eksport buah-buahan pula meningkatkan daripada RM0.53 bilion kepada RM0.54 billion pada tempoh yang sama.
- Ekspo Malaysia Fest boleh dijadikan acara tahunan MAFI melalui FAMA yang mana boleh memberi 'awareness' kepada para petani dan usahawan bagi memasarkan produk pertanian tempatan dan produk PKS serta produk berupa pelancongan, kraftangan, kesihatan dan kecantikan dari Malaysia kepada rakyat Singapura. Program seumpama ini dilihat penting dan boleh dijadikan platform untuk mempromosikan produk negara Malaysia dan secara tidak langsung dapat mempromosikan kepada rakyat Singapura mengenai hasil pertanian Malaysia.
- Sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Ekspo Malaysia Fest

2022 ini. Bagi usahawan yang sudah biasa dengan penganjuran ini, kami ucapkan terima kasih atas Kerjasama anda kerana sentiasa menyokong agenda kerajaan dan bagi usahawan yang pertama kali ke sini, rebutlah peluang ini sepanjang program berlangsung.

- Dengan itu, dengan lafaz bismillah, saya merasmikan Ekspo Malaysia Fest 2022.
- Sekian. Terima kasih.